

20/06/1997

Paksa kuasa besar damaikan Asia Barat (HL)

A Nazri Abdullah in Beirut

BEIRUT, Khamis - Dunia perlu mengenakan tekanan ke atas kuasa besar supaya melaksanakan janji mereka mencari keamanan di Asia Barat, tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengakhiri lawatannya ke Lebanon hari ini.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia menyokong sepenuhnya Resolusi 425 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengiktiraf kedaulatan negara Palestin, tetapi kuasa besar enggan melaksanakannya.

Ketetapan 425 menggesa pengunduran tanpa syarat tentera Israel dari wilayah selatan Lebanon yang diisytiharkan oleh Kerajaan Yahudi sebagai zon keselamatan mereka sejak 1978.

"Kita menyokong resolusi itu tetapi kuasa besar enggan melaksanakannya apabila ianya membabitkan sahabat atau negara sekutu mereka. Kita kesal dengan sikap Amerika yang tidak sensitif dengan isu Asia Barat," katanya.

Bagaimanapun Dr Mahathir menegaskan, dunia perlu mengenakan tekanan bukan sahaja ke atas kuasa besar tetapi juga ke atas sikap Israel yang tidak mematuhi resolusi PBB.

Pada sidang puncak Kumpulan Lapan Negara Membangun Islam (D-8) di Istanbul minggu lalu negara-negara Islam mengutuk tindakan Amerika Syarikat memindahkan kedutaannya dari Tel Aviv ke Al-Quds. Iran menyifatkan keputusan itu bukan saja menafikan hak rakyat Palestin malah membuktikan sikap berat sebelah Amerika terhadap Israel.

Ditanya pendirian beliau mengenai isu ini, Dr Mahathir berkata keputusan Kongres Amerika menyokong tindakan Israel menjadikan Baitulmagdis sebagai ibu negeranya yang baru, membuktikan sikap Amerika yang tidak sensitif terhadap konflik di Asia Barat.

"Kongres Amerika cuma melihat sebelah pihak saja. Inilah masalahnya apabila negara kuasa besar yang sepatutnya menerajui proses damai tidak sensitif dengan konflik di rantau ini," katanya.

Menurut Perdana Menteri, sebarang penyelesaian terhadap wilayah Lebanon atau Syria yang diduduki Israel sukar dibuat selagi proses damai di Asia Barat tidak dicapai sepenuhnya dengan mengiktiraf hak rakyat Palestin.

Walaupun proses damai rantau ini masih samar, Perdana Menteri tetap yakin dengan masa depan Lebanon dan mengesa usahawan Malaysia mengkaji peluang kerjasama ekonomi secara serius.

"Saya terkejut melihat kemajuan di Lebanon. Gambaran yang diberi oleh akhbar seolah-olah kemusnahan di sini tidak boleh dipulihkan lagi. Saya lihat pembangunan di sini begitu pesat dari Sidon hingga ke Tripoli.

"Pembangunan semula Lebanon berjalan pesat dan banyak bangunan sudah dibaik pulih.

Saya fikir Lebanon menyediakan peluang perdagangan dan pelaburan yang baik untuk usahawan Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia berminat menyertai beberapa projek penswastan di Lebanon seperti pembinaan lebuh raya tol, penambakan laut dan juga pertanian.

Walaupun wujud risiko politik di Lebanon, Perdana Menteri berharap usahawan Malaysia tidak terpengaruh dengan penilaian orang lain sebaliknya membuat analisis dan penilaian sendiri.

"Saya berpendapat Lebanon tempat yang selamat untuk pelaburan kerana kita percaya abad ke-21 adalah abad kemakmuran dunia.

"Kita mahu melihat dunia berkongsi kekayaan dan untuk itu kita telah menjalinkan perhubungan dengan mana-mana negara yang memberi peluang untuk kita bersama-sama menyertai pembangunan ekonomi mereka. Kita pegang kepada

falsafah jiran yang kaya lebih baik daripada jiran miskin," katanya.

Sebelum itu, dalam pertemuannya dengan usahawan Malaysia, Perdana Menteri mencadang ditubuhkan Majlis Perniagaan Malaysia-Lebanon supaya kedua-dua pihak dapat bertukar maklumat bagi memudahkan kerjasama pelaburan dan perdagangan.

(END)